

# Anwar nafi campur tangan isu pertikaian Thailand-Kemboja

**Johannesburg:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan dakwaan sesetengah pihak di Thailand yang menuduh beliau campur tangan dalam urusan negara itu berhubung pertikaian sempadan dengan Kemboja.

Menegaskan bahawa tuduhan berkenaan langsung tidak berasas, Perdana Menteri mengajak pihak yang mengecam beliau agar memahami peranan Malaysia dalam membantu menyelesaikan pertikaian antara kedua-dua negara sebelum membuat kenyataan tanpa usul periksa.

“Biar saya jelaskan. Pertama, sebagai negara jiran, sudah tentu kita prihatin (mengenai pertikaian itu), tetapi kita tidak terbabit (campur tangan). Kita hanya memudah cara untuk membantu mereka mencapai penyelesaian. Kita tidak memberikan cadangan khusus mengenai bagaimana mereka perlu menyelesaikan isu terbabit.

“Kita hanya mempertemukan ketua angkatan tentera mereka. Saya juga menghubungi kedua-dua Perdana Menteri mereka dan meminta mereka berbincang. Sudah tentu Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump, juga berbincang dengan mereka dan saya berhubung dengan kedua-dua pihak berkenaan kerana Malaysia dianggap sebagai rakan,” katanya.

Anwar yang ditemui media selepas menghadiri Sidang Kemuncak G20 di sini kelmarin mengulas mengenai protes yang diadakan di hadapan Kedutaan Malaysia di Bangkok dan menegaskan, tidak wajar ada pihak di Thailand menuduh beliau mencampuri urusan negara mereka.

“Saya tidak tahu mengenai politik dalaman atau politik tempatan di sana sehingga bo-

leh dikatakan kita campur tangan. Rakan-rakan kita di Thailand tidak harus salah faham, kepentingan kita hanyalah membantu mereka mencapai keamanan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia dalam isu pertikaian sempadan Thailand-Kemboja turut disokong semua pemimpin ASEAN.

Ditanya sama ada beliau bercadang membangkitkan isu itu dengan Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul, Anwar berkata, beliau akan mendengar jika perkara berkenaan disentuh oleh rakan sejawatnya dan Malaysia kekal komited membantu kedua-dua negara berjiran berkenaan mencapai perdamaian.

Beliau berkata, suara kedengaran dari Thailand bukan sesuatu luar biasa kerana negara itu mengamalkan demokrasi.

“Saya tidak fikir kita harus terganggu daripada tugas utama kita untuk membantu mereka mencapai keamanan hanya kerana beberapa kenyataan segelintir pihak yang kecil, kecewa dan terdesak,” katanya.

Kelmarin, media melaporkan sekumpulan individu membawa bendera Thailand dan kain rentang berkumpul di Kedutaan Malaysia di Jalan Sathon dan menuduh Anwar sebagai Pengerusi ASEAN campur tangan dalam usaha negara itu mempertahankan kedaulatannya.

Kumpulan itu menuntut Anwar menghentikan tekanan supaya Thailand berunding dengan Kemboja mengenai kawasan sempadan dipertikaikan, selain menuduh Perdana Menteri melakukan ‘campur tangan politik’ dan mendakwa Malaysia serta AS cuba mempengaruhi keputusan Thailand secara tidak wajar.